PRAKTIS PT3

BAHAGIAN A

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Daud membantu ayahnya mencari _____ untuk dibuat lemang.

   A Pepohon
   B Kekabu
   C Bebuluh
   D dedaun

2. Hati Affiza _____ apabila tiba masanya untuk dia ditemu duga bagi jawatan guru di sebuah sekolah.

   A Berkobar-kobar
   B Berbolak-bolak
   C Berdebar-debar
   D Berubah-ubah

Soalan 3 – 4

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika **tiada kesalahan** telah ditandakan dengan **D**. Pilih Jawapan yang **paling sesuai**.

3. Beberapa ekor rama-rama (A) dilihat sedang terbang dan menambahkan lagi keindahan taman yang dipenuhi dengan bunga-bunga (B) yang cantik dan berwarna-warni (C). Tiada kesalahan (D)

LIVEWORKSHEETS

4. Kemunculan seorang lelaki di kampung itu telah menimbulkan tanda tanya
   A
   dalam kalangan penduduk-penduduk kerana kedatangannya telah
   B
   menyebabkan kampung itu menjadi kucar-kacir. Tiada kesalahan
   C D

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa **mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

5. Kita haruslah bersabar dan tabah menempuh pelbagai-bagai ujian yang berlaku dalam kehidupan ini.

   A pelbagai ujian
   B berbagai ujian
   C berbagai-bagai ujian
   D pelbagai-bagai ujian

6. Kebanyakkan rumah-rumah dan deretan kedai-kedai di kawasan itu dilengkapi dengan alat keselamatan yang canggih untuk menghalang aktiviti kecurian daripada berlaku.

   A kebanyakan rumah dan kedai
   B kebanyakan rumah dan deretan kedai
   C kebanyakan rumah-rumah dan deretan kedai
   D kebanyakan rumah-rumah dan deretan kedai-kedai

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Kebanyakan kereta-kereta di pekan itu tersadai akibat banker kilat.
   II Perasan saling menghormati antara setiap ahli keluarga sangat penting.
   III Pokok-pokok durian yang ditanam oleh Pak Karim sudah mula membesar.
   IV Jalan-jalan yang rosak di Kawasan kampung itu akan dibaik pulih tidak lama lagi.

   A I dan II sahaja
   B III dan IV sahaja
   C I, II dan III sahaja
   D II, III dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS

8. I Amirul mengambil gambar kekupu yang hinggap di atas sekuntum bunga.
   II Wahid menggunakan sesiku untuk mengukur sudut tepat meja itu.
   III Cikgu Amirah meminta Aiman mengambil beberapagegelang rotan di stor permainan.
   IV Pejalan kaki dinasihatkan agar menggunakan jejambat semasa melintas jalan.

   A I dan II sahaja
   B III dan IV sahaja
   C I, II dan III sahaja
   D II, III dan IV sahaja

BAHAGIAN A

Dalam setiap ayat di bawah **terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Paula tidak seuka menonton drama rantaian yang disirakan di televisyen kerana jalan ceritanya berpusing-pusing dan membosankan.

   _____

2. Kedua-dua orang anak-anak perempuan Encik Ahmad kini sedang melanjutkan pelajaran di universiti.

   _____

3. Nasihat ayah masih terbayang-bayang di telinga saya walaupun sudah lama meninggal dunia.

   _____

4. Sufian tersenguk-senguk selepas Berjaya menanmatkan larian sejauh 400 meter itu.

   _____

5. Adik saya terkial-kial apabila melihat ayah membelikannya sebuah basikal baharu.

   _____

LIVEWORKSHEETS